

# Konsortium teroka ternakan ikan patin di Sungai Pahang

■ TEMERLOH 8 MAC

**K**ONSORTIUM Koperasi Ternakan Ikan Pahang yang ditubuhkan pada 2014 bergerak proaktif dengan menceburkan diri dalam penternakan ikan patin di Sungai Pahang.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sebagai permulaan, sebanyak 10 sangkar dengan kira-kira 15,000 ekor ikan patin ditenak.

"Pengurusan konsortium ini yang disertai lapan koperasi di daerah ini menyasarkan sebanyak 50 sangkar ikan dibuka dalam tempoh terdekat.

"Saya harap konsortium ini terus melangkah ke hadapan dan mendapat keuntungan seterusnya menjadi contoh kepada konsortium lain di negara ini," katanya semasa melancarkan projek penternakan ikan sangkar konsortium berkenaan di Kampung Tanjung Batu, di sini semalam.

Yang turut hadir, Naib Presiden Angkasa, Datuk Kamarudin Ismail; Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia negeri, Ibrahim Kasah dan Pengerusi Konsortium Ternakan Ikan Pahang, Mohd. Nor Yatim.

Menurut Abdul Fattah, Angkasa akan memberi sokongan kepada konsortium berkenaan agar mereka berdaya saing dan mam-



**ABDUL FATTAH ABDULLAH** (tiga dari kanan) melepaskan anak ikan patin selepas melancarkan projek ternakan ikan sangkar Konsortium Koperasi Ternakan Ikan Pahang di Kampung Tanjung Batu, Temerloh, kelmarin.

pu melangkah lebih jauh.

Setakat ini, kata beliau, Angkasa meluluskan pinjaman tanpa faedah berjumlah RM500,000 kepada konsortium berkenaan.

Dalam pada itu, beliau berkata, penubuhan konsortium itu bertepatan dalam memastikan koperasi terlibat terus berdaya saing dan mampu bergerak dengan

lebih maju.

"Kewujudan konsortium ini dapat memudahkan lagi bantuan dari segi pemasaran dan pembelian makanan ikan serta benih ikan secara pukal dengan lebih kompetitif," katanya.

Sementara itu, Mohd. Nor berkata, sebelum ini, konsortium berkenaan menjalankan penter-

nakan udang putih sebelum melibatkan diri dalam bidang penternakan ikan patin.

"Dengan permintaan tinggi ikan patin di Temerloh, kita yakin bidang penternakan ikan sangkar di Sungai Pahang ini mampu memberi pulangan yang baik dan berterusan," katanya.